

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

ATP 301 - Perakaunan Pengurusan

Masa : [3 Jam]

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Soalan 1 (25 markah)

Bahagian Digital Components (BDC) di Syarikat Video Warna mengeluarkan sejenis komponen yang kompleks yang digunakan dalam barisan produk utama Syarikat Video Warna. Pengurus BDC tidak puas hati dengan kekurangan koordinasi baru-baru ini di antara kakitangan-kakitangan bahagian pembelian dan pengeluaran. Beliau mempercayai bahawa sistem belanjawan bulanan adalah lebih baik daripada sistem yang sedia ada pada masa ini.

Pengurus BDC bercadang untuk membentuk suatu belanjawan bagi suku tahun yang ketiga sebagai percubaan sebelum sistem belanjawan tersebut dilaksanakan bagi tahun kewangan secara keseluruhannya. Sebagai tindakbalas kepada permintaan pengurus BDC bagi data untuk digunakan bagi membentuk matlamat belanjawan tadi, akauntant BDC telah mengumpulkan data-data seperti berikut:

Jualan

Jualan sehingga 30 Jun 1988, iaitu enam bulan pertama bagi tahun semasa adalah 24,000 unit. Jualan sebenar bagi bulan-bulan Mei dan Jun (dalam unit) dan anggaran unit jualan bagi empat bulan akan datang adalah seperti yang ditunjukkan di bawah :

Mei (sebenar)	4000
Jun (sebenar)	4000
Julai (anggaran)	5000
Ogos (anggaran)	6000
September (anggaran)	7000
Oktober (anggaran)	7000

...2/-

BDC menjangka dapat menjual 60,000 unit bagi tahun berakhir pada 31 Disember 1988.

Bahan Langsung

Data berkenaan bahan-bahan yang digunakan bagi komponen adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Inventori akhir bulanan yang diinginkan bagi kesemua bahan-bahan haruslah cukup bagi anggaran jualan depannya.

Bahan Langsung	Unit-Unit Bahan Mentah Bagi Seunit Komponen Siap	Kos Seunit	Tahap Inventori Pada 30 Jun 1988
#101	6	\$ 2.40	35,000 Unit
#211	4	3.60	30,000 Unit
#242	2	1.20	14,000 Unit

Buruh Langsung

Setiap komponen mesti melalui tiga proses yang berlainan sebelum disiapkan. Data bagi buruh langsung adalah seperti berikut:

Proses	Jam Buruh Langsung Bagi Seunit Komponen Siap	Kos Sejam Buruh Langsung
Membentuk	0.80	\$ 8.00
Memasang	2.00	5.50
Menyiap	0.25	6.00

Overhed Kilang

Bahagian Digital Components mengeluarkan 27,000 komponen sepanjang masa enam bulan sehingga 30 Jun 1988. Kos overhed boleh ubah berikut terlibat dalam tempoh enam bulan ini. Akauntan Bahagian mempercayai bahawa kos overhed boleh ubah akan berlaku pada kadar yang sama sepanjang akhir enam bulan 1988 nanti.

Bekalan	\$ 59,400
Elektrik	27,000
Buruh tidak langsung	54,000
Lain-lain	8,000

Jumlah overhed boleh ubah	\$148,500
	=====

Kos overhed tetap yang terlibat sepanjang enam bulan pertama bagi 1988 berjumlah sebanyak \$93,000. Kos-kos overhed tetap yang dibelanjawankan bagi keseluruhan satu tahun adalah seperti berikut :

Penyeliaan	\$ 60,000
Cukai	7,200
Susutnilai	86,400
Lain-lain	32,400

Jumlah overhed tetap	\$186,000
	=====

Inventori Barangan Siap

Inventori akhir bulanan (dalam unit) yang diingini bagi komponen-komponen siap adalah 80% atas anggaran jualan bulan depan. Di dapati bahawa ada 50,000 unit dalam inventori barangan siap pada 30 Jun 1988.

Dikehendaki :

- [a] Bincangkan secara ringkas masalah-masalah yang akan dihadapi oleh pengurus dan akauntan BDC dalam pelaksanaan sistem belanjawan bulanan yang baru ini. [5 markah]
- [b] Sediakan belanjawan-belanjawan berikut bagi suku tahun ketiga yang berakhir pada 30 September 1988. (Anda tidak perlu memberi angka-angka bagi setiap bulan).
 - [i] Belanjawan pengeluaran dalam unit. [3 markah]
 - [ii] Belanjawan pembelian bahan mentah dalam unit dan ringgit. [5 markah]
 - [iii] Belanjawan kos pengeluaran. [7 markah]

[c] Andaikan bahawa BDC sebenarnya mengeluarkan 38,000 komponen sepanjang tempoh enam bulan bagi 1 Julai - 31 Disember 1988, dan kos overhed boleh ubah sebenar adalah \$203,000 manakala kos overhed tetap berjumlah \$95,000. Gunakan satu belanjawan fleksibel bagi menilaikan prestasi BDC bagi 6 bulan yang terakhir tahun 1988 dari segi kawalannya ke atas kos-kos overhed kilang.

[5 markah]

Soalan 2 (25 markah)

Bahagian A (16 markah)

Syarikat Northern mempunyai bahagian transformer yang beroperasi sebagai pusat pelaburan. Bahagian ini hanya beroperasi pada 80% kapasiti. Keputusan-keputusan operasinya bagi tahun 1988 adalah seperti berikut :

Syarikat Northern
Bahagian Suis
Penyata Pendapatan Operasi
Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 1988

Jualan (80,000 unit @ \$12	\$960,000
Kos boleh ubah (pada \$6)	480,000

Margin caruman	\$480,000
Kos tetap bahagian	360,000

Margin segmen	\$120,000
Kos tetap yang diperuntukkan	33,600

Pendapatan operasi	\$ 86,400
	=====
Aset operasi - Januari 1, 1988	\$510,000
Aset operasi - Disember 31, 1988	\$556,666

Kadar pulangan minima yang diinginkan oleh syarikat adalah 12%.

Dikehendaki:

[i] Hitungkan PAP dan pendapatan lebihan bagi bahagian transformer.

[3 markah]

[ii] Bahagian tranformer tidak menjangka sebarang perubahan di dalam operasinya pada tahun 1989. Tetapi ia mempunyai peluang untuk menerima suatu pesanan khas daripada pihak luar bagi 20,000 unit produknya pada harga \$8 seunit. Pesanan tersebut tidak akan menjejaskan jualan biasanya tetapi memerlukan suatu pertambahan perbelanjaan kos tetap sebanyak \$20,000. Pertambahan di dalam aset-aset operasi yang diperlukan akan berjumlah \$145,000. Apakah pengurusan bahagian tranformer patut menerima tawaran tersebut? Bincangkan.

[4 markah]

[iii] Syarikat Northern bercadang untuk memasarkan produk yang baru. Tranformer-tranformer yang dikeluarkan oleh bahagian tranformer boleh digunakan di dalam produk baru ini. Andaikan bahawa tawaran di [ii] tadi ditarik balik oleh penawar. Oleh yang demikian bahagian tranformer masih mempunyai kelebihan kapasiti. Pengurus yang bertugas dalam pengeluaran produk baru ini mendapati bahawa ia boleh membeli 20,000 buah tranformer dari pembekal luar pada harga \$10 seunit. Berikan cadangan-cadangan yang berasingan kepada:

- Pengerus Bahagian Transformer
- Pengerus Bahagian Produk Baru
- Pengarah Urusan Syarikat Northern

[5 markah]

[iv] Andaikan fakta-fakta adalah seperti di [iii] tetapi dengan pengecualian bahawa bahagian tranformer mempunyai seorang pelanggan yang sanggup membeli 20,000 unit tersebut dalam tahun 1989 dengan harga \$11 seunit. Jualan ini tidak memerlukan sebarang kos pengangkutan atau kos komisyen. Berikan cadangan-cadangan yang berasingan kepada:

- Pengurus Bahagian Suis
- Pengurus Bahagian produk Baru
- Pengarah Pengurusan Syarikat Northern

[4 markah]

....6/-

Bahagian B (9 markah)

Syarikat Sharmila ingin menentukan harga bagi satu daripada barisan produknya supaya syarikat tersebut boleh memperolehi sasaran pulangan. Maklumat-maklumat yang sedia ada adalah seperti berikut:

Kos boleh ubah pengeluaran seunit	\$	25
Kos tetap pengeluaran seunit	\$	15
(\$900,000/60,000 unit)	-----	
Jumlah kos pengeluaran	\$	40
	=====	
Kos boleh ubah pemasaran	\$	30,000
Kos tetap pemasaran dan pentadbiran	\$	270,000
Pelaburan dalam aset-aset bagi barisan produk tersebut	\$1,500,000	
Kadar pulangan yang diinginkan		15%

Dikehendaki:

- [i] Berikan cadangan-cadangan atau syor-syor kepada pihak mengenai harga jualan. Apakah volum jualan pada titik pulang modal? [4 markah]
- [ii] Bincangkan secara ringkas faktor-faktor kualitatif yang patut diambil kira oleh Syarikat Sharmila sebelum harga jualan ditetapkan. [3 markah]
- [iii] Sekiranya kadar cukai pendapatan adalah 25%, bagaimanakah jawapan anda bagi [i] berubah? [2 markah]

Soalan 3 (25 markah)

Pelanggan anda, Syarikat Komputer Vanmala (SKV) memerlukan bantuan untuk menentukan samada ia harus membeli atau terus mengeluarkan PS-2, suatu komponen bagi produk utamanya iaitu mikro komputer. Keperluan tahunan bagi PS-2 adalah 10,000 unit dan komponen ini boleh didapati daripada seorang pembekal luar pada harga \$5 seunit bagi sebarang kuantiti.

Maklumat Tambahan:

- [a] Jabatan Pengilangan memulakan dan melengkapkan sebahagian besar daripada kerja-kerja yang terlibat di dalam pengeluaran PS-2 tersebut; kerja-kerja penyiapan yang kecil dibuat dengan menggunakan buruh langsung di Jabatan Penyiapan. Jabatan Pemasangan pula meletakkan PS-2 tersebut di dalam mikro komputer yang dikeluarkan oleh SKV.
- [b] Sekiranya PS-2 dibeli, mesin-mesin di Jabatan Pengilangan yang digunakan untuk mengeluarkan PS-2 dapat dijual pada nilai buku \$15,000 dan hasilnya dapat dilabur pada kadar pulangan 6% setahun. Cukai pintu dan insuran akan berkurangan sebanyak \$300 setahun sekiranya mesin-mesin dijual. Baki usiaguna mesin-mesin tersebut adalah 10 tahun dan tiada nilai sisaan.
- [c] Jabatan Pengilangan menggunakan 25% daripada kapasiti pengeluarannya untuk pengeluaran PS-2 tetapi tenaga buruh dan kos-kos lain bagi pengeluaran PS-2 dapat dikurangkan tanpa mempengaruhi operasi-operasi lain di jabatan ini. Kos-kos di Jabatan Penyiapan termasuk kos buruh langsung sebanyak \$800 untuk pengeluaran PS-2. Sekiranya PS-2 tidak dikeluarkan, separuh daripada buruh langsung tersebut dapat digunakan untuk kerja-kerja lain diloji dan bakinya mesti dibayar gaji masing-masing walaupun ada kerja bagi mereka. Ini disebabkan oleh dasar syarikat tersebut yang menjamin pekerjaan tetap kepada semua pekerjanya.
- [d] Di dalam Jabatan Pengilangan, bekalan pengeluaran (\$800) berhubung langsung kepada mesin-mesin yang bernilai \$15,000 tadi. Kuasa elektrik merupakan satu peruntukkan kos tetap.
- [e] Di dalam tahun 1988, apabila 10,000 PS-2 dikeluarkan, kos-kos Jabatan Pengilangan yang terlibat adalah seperti berikut :

	Jumlah Kos -----	Kos Yang Diperuntukkan Kepada PS-2 -----
Bahan mentah	\$ 95,000	\$ 24,200
Buruh langsung	\$ 39,400	\$ 12,200
Buruh tak langsung	\$ 20,600	\$ 7,800
Kuasa elektrik	\$ 12,000	\$ 3,000
Susutnilai	\$ 6,000	\$ 1,500
Cukai pintu & insuran	\$ 15,000	\$ 3,750
Bekalan pengeluaran	\$ 4,000	\$ 800

...8/-

- [f] Selain daripada kos-kos yang dinyatakan di atas, jumlah kos di Jabatan Pengilangan termasuk faedah-faedah daftar gaji boleh ubah seperti Socso dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang bernilai \$18,300.
- [g] Jumlah overhead yang diperuntukkan berasaskan 200% daripada kos buruh langsung adalah \$40,000 bagi Jabatan Penyiapan dan \$20,000 bagi Jabatan Pemasangan di dalam tahun 1988. 25% daripada overhead ini adalah overhead tetap dan bakinya adalah overhead boleh ubah.
- [h] Sekiranya PS-2 dibeli, Syarikat XYZ akan mengalami kos tambahan sebanyak \$0.45 seunit bagi pengangkutan dan \$3,000 setahun bagi penerimaan, pemeriksaan dan pengendalian produk tersebut.

Dikehendaki:

- [i] Sediakan satu analisis kuantitatif yang dapat digunakan di dalam membuat keputusan samada hendak membeli atau mengeluarkan PS-2. [18 markah].
- [ii] Apakah faktor-faktor kualitatif yang patut diambil kira sebelum keputusan tersebut dibuat. [7 markah]

Soalan 4 (25 markah)

"Saya tidak faham apa yang berlaku di sini", kata Encik Malik, presiden ABC Bhd. "Nampaknya, kita selalu membentangkan tawaran yang tinggi terhadap kerja-kerja yang berintensif buruh di Jabatan Penyiapan (finishing) dan kita selalunya berjaya di dalam setiap tawaran yang berintensif mesin di Jabatan Pengilangan. Namun demikian, pencapaian kita kurang memuaskan dalam kerja-kerja di Jabatan Pengilangan tersebut. Adakah kita menghadapi masalah di dalam kadar overhead?"

Syarikat ABC Bhd mengeluarkan barangan kayu yang bermutu tinggi mengikut spesifikasi pelanggan. Ada di antara kerja-kerjanya yang melibatkan banyak masa mesin di jabatan pengilangan dan ada pula kerja-kerja yang melibatkan kerja-kerja penyiapan tangan yang banyak di Jabatan Penyimpan. Selain daripada Jabatan Pengilangan dan Jabatan Penyiapan, syarikat ini mempunyai tiga jabatan perkhidmatan. Kos jabatan-jabatan perkhidmatan ini diperuntukkan ke jabatan-jabatan lain mengikut senarai di bawah :

...9/-

	Jumlah Jam Buruh	Kawasan Yg Digunakan (kaki persegi)	Bilangan Pekerja	Jam Mesin	Jam Buruh Langsung
Kafeteria	16,000	12,000	25	-	-
Perkhidmatan Am	9,000	3,000	40	-	-
Penyelenggaraan	15,000	10,000	60	-	-
Pengilangan	30,000	40,000	100	160,000	20,000
Penyiapan	100,000	20,000	300	40,000	70,000
	170,000	85,000	525	200,000	90,000

Mengikut belanjawan, kos overhed di setiap jabatan bagi tahun ini adalah seperti berikut (Kos tetap dan kos berubah tidak dibezakan:

Kafeteria	\$ 320,000
Perkhidmatan Am	65,400
Penyelenggaraan	93,600
Pengilangan	416,000
Penyiapan	166,000
Jumlah kos (belanjawan)	\$1,061,000

Tugas Jabatan Perkhidmatan Am termasuk pembersihan, pengutipan dan pembuangan sampah sarap di kilang. Syarikat ABC selalunya menperuntukkan kos-kos jabatan-jabatan perkhidmatan kepada jabatan pengeluaran (pengilangan dan penyiapan) dengan menggunakan kaedah peruntukan langsung kerana ianya lebih mudah.

Dikehendaki:

[a] Peruntukkan kos-kos jabatan-jabatan perkhidmatan kepada jabatan-jabatan yang menggunakannya dengan kaedah menurun (step method). Kemudian, hitungkan kadar-kadar overhed bagi jabatan-jabatan Pengeluaran dengan menggunakan asas jam-mesin di Jabatan Pengilangan dan asas jam buruh langsung di Jabatan Penyiapan.

[10 markah]

[b] Ulangi [a] dengan menggunakan kaedah langsung. Kirakan juga kadar-kadar overhed di Jabatan Pengilangan dan Jabatan Penyiapan.

[6 markah]

...10/-

[c] Andaikan bahawa di dalam tahun tersebut, syarikat ABC telah menawar bagi suatu kerja yang memerlukan jam mesin dan jam buruh seperti berikut :

	Jam Mesin -----	Jam Buruh -----
Jabatan Pengilangan	90	40
Jabatan Penyiapan	30	260
	-----	-----
Jumlah jam	120	300
	=====	=====

[i] Tentukan nilai overhed yang akan diperuntukkan kepada kerja tersebut sekiranya Syarikat ABC menggunakan kadar-kadar overhed seperti di dalam [a] dan [b] di atas.

[5 markah]

[ii] Terangkan kepada presiden mengapa kadar-kadar overhed yang berasaskan pada kaedah menurun adalah lebih sesuai bagi Syarikat ABC.

[4 markah]

Soalan 5 (25 markah)

Anda dilantik sebagai akauntan pengurusan bagi Syarikat Minden Berhad. Tanpa diduga, bekas pemegang jawatan anda telah meninggal dunia akibat sakit jantung semasa menyediakan akaun-akaun terakhir bagi tahun kewangan 1988. Didapati bahawa ada di antara rekod-rekod yang tidak lengkap. Berikut ialah penyata pendapatan bagi syarikat tersebut :

Syarikat Minden Berhad
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Yang Berakhir Pada 31/12/1988

Jualan (100,000 unit pada harga \$50 seunit)		\$5,000,000
Kos barang dijual (\$26 seunit)	\$ 2,600,000	
Varians-varians pengeluaran	\$ 167,465	\$2,767,465
	-----	-----
Untung kasar		\$2,232,535
Belanja jualan dan pentadbiran		\$ 589,000

Pendapatan operasi		\$1,643,535
		=====

...11/-

Tetapi anda keliru kerana terdapat penyata pendapatan yang lain bagi syarikat yang sama untuk tempoh yang sama. Penyata tersebut ialah seperti berikut :

Syarikat Minden Berhad
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31/12/1988
(Untuk Penggunaan Di Dalam Syarikat Sahaja)

Jualan 100,000 unit pada harga \$50 seunit		\$5,000,000
Kos boleh ubah :		
Kos barang dijual (\$22 seunit)	\$2,200,000	
Jualan dan pentadbiran (\$3 seunit)	300,000	
Varians-varians boleh ubah :		
Bahan	\$ 37,950	
Buruh	\$ 45,000	
Overhed pengeluaran	\$ 1,515	
	\$ 84,465	\$2,584,465
Margin caruman		\$2,415,535
Belanja tetap :		
Overhed pengeluaran	\$ 471,000	
Jualan dan pentadbiran	\$ 289,000	
	\$ 760,000	\$ 760,000
Pendapatan operasi		\$1,655,535

Anda juga diberi maklumat-maklumat berikut :

- [a] Bahan mentah sebanyak 273,000 kg yang bernilai \$1,324,050 dibeli bagi 1988.
- [b] Kapasiti normal bagi syarikat itu ialah 125,000 unit.
- [c] Inventori barangan siap pada 1 Januari 1988 ialah 50,000 unit dan inventori akhir tidak diberi.
- [d] Untuk mengeluarkan seunit barang siap, 2kg bahan mentah digunakan mengikut piawai-piawai yang dipratentukan. Kadar buruh langsung piawai ialah \$8.00 setiap jam.
- [e] Kos overhed boleh ubah diserapkan berasaskan pada jam buruh langsung. Anda diberitahu bahawa kos overhed boleh ubah seunit sama dengan kos tetap seunit.

- [f] Varians belanja overhed boleh ubah (variable overhead spending variance) bagi 1988 ialah \$26,250(F), menguntungkan.
- [g] Overhed tetap yang diserap bagi 1988 ialah \$388,000.

Hitungkan :

- [i] Kadar overhed tetap seunit.
- [ii] Jumlah overhed tetap belanjawan (Budgeted fixed overhed).
- [iii] Varians belanja overhed tetap.
- [iv] Varians volum pengeluaran.
- [v] Unit-unit yang dikeluarkan pada tahun 1988.
- [vi] Varians kecekapan overhed boleh ubah.
- [vii] Jam buruh langsung sebenar.
- [viii] Jam buruh langsung piawai.
- [ix] Kadar buruh langsung sebenar.
- [x] Varians kadar (harga) buruh langsung.
- [xi] Varians kecekapan buruh langsung.
- [xii] Harga piawai bahan mentah (\$/kg).
- [xiii] Varians kecekapan (kuantiti) bahan langsung.

[2 markah bagi setiap bahagian di atas; markah maksima adalah 25 markah bagi keseluruhan soalan ini].

-- oooo000oooo --